

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL  
PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN  
PELUPUSAN SAMPAH SARAP  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1981**

**P.U.(A) 378/81**

---

**SENARAI PINDAAN :**

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1	P.U.(A) 41/90		
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

**P.U. (A) 378.****AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN  
PELUPUSAN SAMPAH SARAP (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1981**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta *Akta 171*. Kerajaan Tempatan 1976, Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Wilayah Persekutuan) 1981** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan.

Nama,  
pemakaian dan  
mula berkuat-  
kuasa.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1982.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan *Tafsiran*, ayatnya menghendaki makna yang lain—

“bahan buangan” termasuk apa-apa keluaran sampingan, benda atau barang yang ditolak atau rosak dalam proses pengilangan sama ada mempunyai nilai perdagangan atau tidak;

“buangan perdagangan” ertiaya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perdagangan;

“buangan perindustrian” ertiaya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari apa-apa aktiviti perindustrian;

“Dato Bandar” ertiaya Dato Bandar Kuala Lumpur;

“sampah sarap taman” termasuk daun, jejalar rumput, pokok, dahan atau tanah dari taman atau perkarangan sesuatu rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan, dari mana-mana tanah;

“sampah sarap isi rumah” ertiaya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari rumah tetapi tidak termasuk sampah sarap taman atau bahan-bahan buangan bangunan.

3. (1) Penduduk tiap-tiap rumah hendaklah menyediakan dan menyenggarakan tong sampah dengan bebibir tutup rapat tidak lebih daripada tiga kaki pada isipadunya.

Tong sampah  
sarap isi  
rumah  
hendaklah  
disediakan  
dan  
disenggar-  
kan.

(2) Semua sampah sarap isi rumah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang mana hendaklah diikat kuat-kuat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(3) Apa-apa kaca pecah, tin dan lain-lain benda yang tajam tepinya hendaklah dibungkus elok-elok dan dimasukkan ke dalam bekas gunahabis yang berasingan dan diletakkan dekat dengan tong sampah untuk dipungut.

(4) Teng sampah rumah bolehlah diletakkan di tepi arked atau verandah, di sebelah luar pagar, dilorong belakang atau di mana-mana tempat lain yang sesuai di dalam kawasan rumah untuk memudah mengosongkan tong oleh Dato Bandar.

Sampah di  
bangunan  
berbilang  
tingkat.

4. (1) Di bangunan berbilang tingkat di mana pelongsor sampah telah disediakan Perbadanan Pengurusan bangunan atau, jika tidak ada perbadanan seperti itu, penduduk bangunan itu hendaklah menyediakan dan mengadakan tong sampah yang mana hendaklah diletakkan dalam kebok sampah.

(2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz yang cukup untuk memadankan kebok sampah yang disediakan di sebelah bawah pelongsor sampah dalam bangunan itu.

(3) Penduduk hendaklah pada setiap masa menyenggarakan pelongsor sampah, corong logam pelongsor dan pintu logam ke kebok sampah.

(4) Jika tong sampah, pelongsor sampah, pintu logam, corong logam atau kebok sampah tidak berada dalam keadaan yang sepatutnya baik, Dato Bandar boleh meneruskan tindakan untuk mengantikan, membaiki atau meremedikan apa-apa kecacatan dan hendaklah menuntut amaun yang dibelanjakan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Akta 171.

Sampah sarap  
di taman.

5. Sampah sarap di taman boleh dipungut oleh Dato Bandar dengan dibayar suatu fee.

Pembuangan  
buangan  
perindustrian  
dan buangan  
perdagangan.

6. Apa-apa buangan perindustrian atau buangan perdagangan hendaklah dilupuskan oleh establishmen perindustrian atau perdagangan yang berkenaan di mana-mana satu tempat longgokan sampah yang disenggarakan oleh Dato Bandar atau sebagaimana yang diarahkan oleh Dato Bandar.

Membuang  
kereta buruk  
dan tak  
berguna.

7. (1) Apa-apa kereta buruk dan tak berguna hendaklah dibuangkan oleh pemunya di mana-mana satu daripada tempat longgokan sampah itu.

(2) Dato Bandar boleh membuangkan kereta itu dengan syarat pemunya membayar suatu fee.

Dilarang  
menganggu  
isi kandungan  
tong.

8. Tiada seorangpun boleh mengais atau menyelongkar, atau mengalih apa-apa jua benda, atau menumpahkan atau menselerakan apa-apa jua isi kandungan, mana-mana tong sampah.

Dilarang  
membakar  
bahan  
buangan.

9. Tiada seorangpun boleh membakar apa-apa bahan buangan pada masa yang tak munasabah atau di tempat-tempat yang mungkin menyebabkan kacauganggu atau kegusaran kepada mana-mana jiran atau orang ramai.

Dilarang  
membuang  
arangbatu  
bakar, bahan  
letupan, dsb.

10. Apa-apa bahan binaan, arangbatu bakar, bahan mudah terbakar atau bahan letupan tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diperuntukkan bagi membuang buangan perindustrian.

Fee.

11. Dato Bandar boleh menetapkan amaun fee yang akan dikenakan di bawah undang-undang kecil ini melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

12. Sesiapa jua yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan-kesalahan.

13. Undang-undang kecil 15, 16, 17, 18 dan 19 Bahagian III D <sup>Kesalahan-kesalahan.</sup>  
Undang-undang Kecil Lembaga Bandaran 1948 adalah dimansuh-<sup>Pemansuhan.</sup>  
*Sel. P.W.*  
*67/48.*

Diperbuat pada 1hb September 1981.  
[DBKL/PHEU<sup>2</sup> 70/79; PN (PU<sup>2</sup>) 328/13.]

TAN SRI YAACOB BIN ABDUL LATIFF,  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan pada 2hb September 1981.

DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF,  
*Menteri Wilayah Persekutuan*

#### LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

#### REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL (FEDERAL TERRITORY) BY-LAWS 1981

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local *Act 171.*  
Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:

1. (1) These by-laws may be cited as the **Refuse Collection, Removal and Disposal (Federal Territory) By-laws 1981** and shall apply only to the Federal Territory. Citation, application and commencement.

(2) These by-laws shall come into force on the 1st January 1982.

2. In these by-laws unless the context otherwise requires— Interpretation.

“commercial waste” means any waste matter generated by any commercial activity;

“Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur;

“garden refuse” includes leaves, grass creepers, trees, branches or earth from a garden or lawn of any house or building or if there is no house or building, from any land;

“household refuse” means any waste matter generated from a house but does not include garden refuse or waste building materials;

“industrial waste” means any waste matter generated from any industrial activity;

“waste matter” includes any by-product, article or goods rejected or damaged in the process of manufacture, with or without commercial value.

3. (1) The occupier of every house shall provide and maintain Household refuse bins to be provided and maintained. refuse bins with close fitting lids of not more than three cubic feet in volume.

(2) All household refuse shall be put into plastic bags to be securely fastened before being put into the refuse bins.

(3) Any broken glass, cans and other objects with cutting edges shall be safely wrapped and put in a separate disposable receptacle and placed close to the refuse bin for collection.

(4) The household refuse bin may be placed on the edge of the arcade or verandah, outside the gate, on a back-lane or at any other convenient place within the compound of the house to facilitate the emptying of the bins by the Commissioner.

**Refuse in  
the multi-  
storey  
buildings.**

4. (1) In a multi-storey building where a refuse chute has been provided, the Management Corporation of the building or if there is no such corporation the occupier of the building shall provide and maintain a refuse bin which shall be placed in the refuse chamber.

(2) The refuse bin shall be of a sufficient size to fit the refuse chamber provided at the bottom of the refuse chute in the building.

(3) The occupier shall at all times maintain the refuse chute, the metal hopper of the chute and the metal door to the refuse chamber.

(4) Where the refuse bin, the refuse chute, the metal door, the metal hopper or the refuse chamber is not in a proper working condition, the Commissioner may proceed to replace, repair or remedy any defect and shall recover the amount spent in the manner provided in the Local Government Act 1976.

*Act 171.*

**Garden refuse.**

5. Garden refuse may be collected by the Commissioner on payment of a fee.

**Removal of  
industrial,  
waste and  
commercial  
waste.**

6. Any industrial waste or commercial waste shall be disposed by the respective industry or commercial establishments at one of the dumping grounds maintained by the Commissioner or in the manner as directed by the Commissioner.

**Removal of  
derelict and  
unwanted  
vehicle.**

7. (1) Any derelict and unwanted vehicles shall be disposed at one of the dumping grounds by the owner.

(2) The Commissioner may dispose such vehicles on payment of a fee by the owner.

**Prohibition  
on tampering  
with contents  
or bins.**

8. No one shall rake or grub in, or remove anything from, or spill or scatter any of the contents of, any refuse bin.

**Prohibition  
on burning  
of waste  
material.**

9. No one shall burn any waste material at unreasonable times or places which may cause nuisance or annoyance to any neighbour or the public.

**Prohibition  
on the  
disposal  
of burning  
charcoal,  
explosive  
substance,  
etc.**

10. Any building material, burning charcoal, highly inflammable or explosive substance shall not be put into domestic refuse bins or any other bins provided for the collection of refuse but shall be disposed of in the manner provided for the removal of industrial waste.

11. The Commissioner may prescribe the amount of fees to be fees imposed under these by-laws by notification in the *Gazette*.

12. Anyone who contravenes any provision of these by-laws Offences commits an offence.

13. By-laws 15, 16, 17, 18 and 19 of Part III of the Town Repeal Board By-law 1948 are repealed.  
*Sel. G.N.*  
67/48.

Made the 1st September 1981.

[DBKL/PHEU<sup>2</sup> 70/79; PN. (PU<sup>2</sup>) 328/13.]

TAN SRI YAACOB BIN ABDUL LATIFF,  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed the 2nd September 1981.

DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF,  
*Minister of the Federal Territory*

**P.U.(A) 41/90**

3. The Customs (Values) (Crude Petroleum Oil) (No. 3) Order 1990 is revoked.

Revocation.  
P.U. (A)  
27/90.

JADUAL/SCHEDULE

(1) Barang <i>Goods</i>	(2) No. Kepala <i>Heading No.</i>	(3) Yunit <i>Unit</i>	(4) Nilai <i>Value</i>
	CCCN	HS	
<b>PETROLEUM OILS AND OILS OBTAINED FROM BITUMINOUS MINERALS, CRUDE:</b>			
Miri Light Crude ..	27.09 100	2709.00 100	per barrel \$53.99
Bintulu Crude ..	27.09 100	2709.00 100	per barrel \$52.10
Labuan Crude ..	27.09 100	2709.00 100	per barrel \$54.53
Tapis Blend ..	27.09 100	2709.00 100	per barrel \$54.80
Minyak Mentah Fairley Baram	27.09 100	2709.00 100	per barrel \$81.86
Terengganu Condensate	27.09 900	2709.00 900	per barrel \$51.83
Bintulu Condensate	27.09 900	2709.00 900	per barrel \$51.43

Diperbuat pada 15hb Februari 1990.

Made the 15th February 1990.

[KE. HE. (34.11) 819/01-1/(7); R. 9003/54z-40; PN. (PU<sup>2</sup>) 338/VIII.]

Dengan arahan Menteri Kewangan,  
By direction of the Minister of Finance,

ALI ABUL HASSAN BIN SULAIMAN,  
*Setiausaha,*  
*Bahagian Cukai, Perbadaharaan*  
*Secretary,*  
*Tax Division, The Treasury*

P.U. (A) 41.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN  
DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP (WILAYAH PERSEKUTUAN)  
(PINDAAN) 1990

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta *Akta 171*. Kerajaan Tempatan 1976, Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-<sup>Nama dan pemakaian.</sup> Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1990** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pindaan  
undang-undang  
kecil 9.  
P.U. (A)  
378/81.

2. Undang-undang kecil 9 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Wilayah Persekutuan) 1981 adalah digantikan dengan undang-undang kecil 9 baru yang berikut:

"Dilarang  
membakar.

9. Tiada seorangpun boleh membakar apa-apa sampah sarap taman, sampah sarap isi rumah, buangan perdagangan, buangan perindustrian, bahan buangan atau lain-lain buangan di dalam kawasan mana-mana tanah atau di mana-mana tempat awam pada bila-bila masa kecuali terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Dato Bandar.".

Diperbuat pada 1hb Disember 1989.  
[DBKL/PHEU<sup>2</sup>. 73/79; PN. (PU<sup>2</sup>) 328/13.]

DATO' ELYAS BIN OMAR,  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan pada 16hb Januari 1990.

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
*Perdana Menteri*

#### LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

#### REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL (FEDERAL TERRITORY) (AMENDMENT) BY-LAWS 1990

*Act 171.*

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:

Citation and  
application.

1. These By-Laws may be cited as the **Refuse Collection, Removal and Disposal (Federal Territory) (Amendment) By-Laws 1990** and shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Amendment of  
by-law 9.  
P.U. (A)  
378/81.

2. By-law 9 of the Refuse Collection, Removal and Disposal (Federal Territory) By-Laws 1981 is substituted with the following new by-law 9:

"Prohibi-  
tion on  
burning.

9. No person shall burn any garden refuse, household refuse, commercial waste, industrial waste, waste matter or any other matter within any land or at any public place at all times except with the prior written approval of the Commissioner.".

Made the 1st December 1989.  
[DBKL/PHEU<sup>2</sup>. 73/79; PN. (PU<sup>2</sup>) 328/13.]

DATO' ELYAS BIN OMAR,  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed the 16th January 1990.

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
*Prime Minister*